

# Taman Insaniah, Dondang Pembukaan

» K-PAP sorot perjalanan keintelektualan, kerohanian penyair

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

Puisi bukan luahan spontan atau berkait dengan luahan perasaan, sebaliknya ia terhasil daripada pembacaan, pengalaman, pengamatan dan pemikiran yang akhirnya berkait dengan kredibiliti penyair itu sendiri.

Hal itulah yang menjadi mesej pada Kata Pengarang Kata Pembaca (K-PAP) di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Makna puisi itu dikupas dengan jelas dan mendalam oleh pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arbak Othman ketika memperkatakan kumpulan puisi, *Taman Insaniah* karya Shamsuddin Othman, manakala pensyarah Akademi Seni Warisan dan Budaya (ASWARA), Datuk Dr Baharuddin Ahmad berkongsi pandangannya sebagai pembaca naskhah *Dondang Pembukaan* (Lutfi Ishak).

Shamsuddin ketika berkongsi penulisan *Taman Insaniah* menyebut kumpulan puisi itu sebenarnya himpunan puisi lama yang sebahagiannya ditulis sekitar tahun 1990-an, meskipun baru diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada bulan lalu.

Sesudah *Taman Percakapan*, *Taman Maknawi* dan kini *Taman Insaniah*, Shamsudin berkata, perkataan 'taman' itu sendiri sebenarnya sangat penting dalam kehidupannya sebagai penyair.

## Taman dalam persuratan Melayu

"Sejak dahulu, banyak naskhah dalam persuratan Melayu menggunakan perkataan taman walaupun mengambilnya daripada perkataan Arab, iaitu *bustan* yang bermaksud taman," katanya pada sesi yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa PENAMA, Saifullizan Yahya.

Untuk rekod, antara karya dalam khazanah kepustakaan Melayu yang menggunakan perkataan taman atau *bustan* termasuklah, *Bustan al-Katibin* dan *Bustan Al Salatin*.

"Ketika menyiapkan himpunan ini, saya bergelut dengan pengajian peringkat sarjana. Naskhah ini sebenarnya juga dibuat bagi menyajikan teori sarjana saya, iaitu teori insaniah.

"Saya melihat manusia ideal ialah mereka yang memiliki sifat insaniah. Manusia yang ada akal, tetapi dikuasai nafsu, akan susut nilainya sebagai insan," katanya.



Dari kiri; Baharuddin, Lutfi, Saifullizan, Arbak dan Shamsudin pada K-PAP, membicarakan naskhah *Taman Insaniah* dan *Dondang Pembukaan* di Rumah PENAMA, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[ FOTO HALIM SALLEH / BH ]

Sementara itu, Arbak selaku pembaca pula menegaskan berbanding kumpulan puisi yang sebelum ini, *Taman Insaniah* hanya menyentuh sedikit soal tauhid dan ketuhanan, sebaliknya lebih banyak mengkritik manusia yang hidupnya menyimpang daripada jalan keimanan.

## Bahasa penentu mutu karya

"Sajak dalam kumpulan ini dibina dengan bahasa yang mudah, tetapi menyentuh kalbu. Ada unsur alegori seperti seekor sawa membelit demokrasi, selain puisi ini sarat dengan kisah politik.

"Bahasa pengarangnya sangat baik. Sebenarnya bahasa ialah faktor yang menentukan mutu sesuatu karya. Isu yang sama dikupas oleh pengarang berlainan akan mempunyai kesan berbeza kerana bahasa yang digunakan membawa karya itu ke depan," katanya.

Tambah Arbak, meskipun Shamsudin menggunakan bahasa mudah, beliau mempunyai sensitiviti yang tinggi, tajam dan mendesak pengertian.

Dalam konteks *Dondang Pembukaan* pula, Lutfi sebagai penulisnya turut berkongsi penulisan karya yang menjuarai kategori puisi Sayembara Penulisan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)-PENAMA-BH II, sekali gus mengakui naskhah itu berbeza dengan kumpulan puisi pertamanya, iaitu *Kafe* yang dihasilkannya pada tahun 2010.

## Renungan dalam diri, adab

"Kalau dalam *Kafe*, saya banyak mencari salah orang dan menyampaikan rasa tidak puas hati itu secara sinis, tetapi *Dondang Pembukaan* ialah renungan ke dalam diri.

"Ada banyak yang tidak kena pada masyarakat hari ini kerana ledakan teknologi menyebabkan

anak muda menjadi biadab hingga menghina dan mengutuk pemimpin. Bukan tidak boleh menegur, tetapi buatlah dengan adab dan berhikmah," katanya.

Tambah Lutfi, buku itu ditulis untuk mengajak pembaca melihat ke dalam diri sendiri dengan persoalan mudah, iaitu ketika kita memburukkan orang lain, apakah kita sentiasa betul?

"Kita menulis buku bukan untuk menunjukkan hebat atau pandai, tetapi menyampaikan kebenaran dan ilmu. Justeru, ungkaplah puisi dengan kata-kata yang cantik," katanya.

*Dondang Pembukaan* yang menghimpunkan 61 karya ialah puisi mengenai perjalanan intelektual anak muda setelah dihadapkan dengan pelbagai pengalaman.

## Kembali kepada Tuhan, tasawuf

Sementara itu, Baharuddin berkata, kehadiran penulis seperti Lutfi yang membawakan puisi sufi perlu diraikan kerana pada akhirnya, kematangan perjalanan kehidupan penyair akan membawanya kembali kepada persoalan ketuhanan dan tasawuf.

"Penulis yang tiada pegangan agama pun pada akhir hidupnya akan kembali kepada penulisan dengan pendekatan 'tasawuf' sebab ia fitrah perjalanan dalam hidup.

"Semua penulis zaman lampau mencari hakikat kemanusiaan, iaitu siapakah kita. Ini kerana keseluruhan ilmu pengetahuan itu adalah mengenai siapa diri kita," katanya.

Baharuddin berkata, *Dondang Pembukaan* bermula dengan mimpi, untuk mencari diri yang akhirnya akan membawa kepada penemuan diri dalam diri sendiri.

"Dengan perlahan-lahan, proses mencari diri akan membawa kita kembali kepada diri sendiri," katanya.

"  
Kita menulis buku bukan untuk menunjukkan hebat atau pandai, tetapi menyampaikan kebenaran dan ilmu. Justeru, ungkaplah puisi dengan kata-kata yang cantik"

Lutfi Ishak,  
Pengarang *Dondang Pembukaan*

